BAB 4

4.1 KONSEP PENGELUARAN, KOS DAN HASIL

1. Gambar 1 merupakan contoh input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah **betul** tentang input tersebut?

A Berubah mengikut perubahan keluaran

B Wujud walaupun operasi belum bermula

C Kos tetap adalah bayaran atas penggunaan

D Sukar ditambah dalam jangka masa pendek

2. Jadual 6 menunjukkan output dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)
10	630
15	680
20	740

Jadual 6

Berapakah kos marginal bagi keluaran ke-15?

A RM10.00

B RM12.00

C RM45.33

D RM52.40

LIVEWORKSHEETS

3. Pernyataan berikut berkaitan dengan pengeluaran jangka pendek.

> Kilang Baju KK menggunakan 20 orang pekerja untuk mengeluarkan 180 helai baju sehari. Tambahan 5 orang pekerja menyebabkan pengeluaran bertambah kepada 280 helai sehari.

Hitungkan berapakah keluaran marginal?

A 10
B 15
C 20
D 25

4. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jangka masa pengeluaran.

> Terdapat input tetap dan input berubah

Apakah yang boleh dilakukan oleh pengusaha kilang roti jika ingin menambah pengeluaran dalam jangka masa tersebut?

I Membuka kilang baharu
II Mengubah polisi insurans kilang
III Meningkatkan stok bahan mentah
IV Menambah bilangan pekerja kilang roti

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Jadual berikut menunjukkan hubungan antara tingkat keluaran dengan kos berubah.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)
10	1000
20	1600
30	2230
40	3180

Tingkat keluaran yang manakah mempunyai kos purata minimum jika kos tetap RM500?

A 10 unit
B 20 unit
C 30 unit
D 40 unit

LIVEWORKSHEETS

6. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)
0	0	0
10	600	60
20	1600	80
30	2400	80
40	3000	75

Hukum pulangan berkurang bermula pada tingkat buruh ke

A 10 orang
B 20 orang
C 30 orang
D 40 orang

7. Jadual berikut menunjukkan bilangan buruh dan output bagi empat buah firma.

Firma	Bilangan buruh (orang)	Jumlah output (unit)
P	2	46
Q	3	78
R	4	96
S	5	110

Firma yang manakah produktiviti paling rendah?

A P
B Q
C R
D S

8. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kos pengeluaran.

- Tidak perlu ditanggung apabila tiada keluaran
- Perubahan dalam keluaran akan mempengaruhi kos ini

Antara berikut, tindakan yang manakah merupakan contoh kos tersebut?

A Pembiayaan jentera dan mesin

B Pembelian premium insurans kilang

C Perbelanjaan terhadap upah buruh

D Pembayaran sewa bulanan premis

LIVEWORKSHEETS

9. **Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.**

Output	**1500 unit**
Harga jualan seunit	**RM15**
Kos purata	**RM10**

Berapakah untung firma tersebut?

A RM1 525

B RM7 500

C RM15 000

D RM 22 500

10. Penyataan yang manakah **benar** tentang input berubah dalam fungsi pengeluaran jangka pendek sesuatu barang?

A Tidak wujud apabila output sifar
B Wujud dalam jangka pendek sahaja
C Contoh input berubah ialah tapak kilang
D Tidak berubah secara langsung dengan tingkat keluaran

11. Jadual 3 menunjukkan hubungan antara jumlah output dengan kos.

Jumlah Output (unit)	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)
1	200	30
2	200	60
3	200	90

Jadual 3

Berapakah kos purata pada output ke-2?

A RM130
B RM200
C RM260
D RM300

LIVEWORKSHEETS

12. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Jana Utama.

Syarikat Jana Utama mengeluarkan 9500 pasang kasut dan menjualnya dengan harga RM48 sepasang.

Kos pengeluaran syarikat ialah:

Kos bahan mentah	RM92 400
Upah buruh	RM42 800
Sewa bangunan	RM16 500
Bil elektrik, air dan telefon	RM18 200

Berapakah jumlah untung Syarikat Jana Utama pada bulan tersebut?

A RM169 900
B RM286 100
C RM350 800
D RM456 000

13. Pernyataan manakah yang betul tentang fungsi pengeluaran?

A input tetap bermula pada pengeluaran sifar
B gabungan output yang cekap untuk mengeluarkan input
C Kombinasi input tetap dan input berubah dalam jangka panjang
D penambahan input tetap akan meningkatkan pengeluaran jangka pendek

14. Pilih pasangan kos tetap dan kos berubah yang tepat bagi sebuah Syarikat Pemaju Perumahan.

	Kos Berubah	Kos Tetap
A	Susut nilai kereta	Pembelian simen
B	Upah buruh kasar	Sewa Pejabat
C	Gaji penyelia projek	Minyak petrol lori
D	Faedah pinjaman bank	Bil Elektrik

LIVEWORKSHEETS

15. Jadual 4 menunjukkan keluaran, kos berubah dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	0	100
1	50	150
2	100	200

Jadual 4

Berapakah kos tetap firma tersebut?

A RM 50

B RM 100

C RM 150

D RM 200

16. Jadual 5 berkaitan dengan kos pengeluaran barang X.

Output (unit)	Kos Berubah (RM)	Kos Tetap (RM)
1	12	15
2	20	15
3	35	15
4	52	15

Jadual 5

Pada tingkat output berapakah kos purata paling minimum?

A 1 unit

B 2 unit

C 3 unit

D 4 unit

17. Pernyataan manakah yang menerangkan tentang kos implisit?

A Kos yang dibayar dengan tunai

B Contoh bayaran upah pekerja

C Bayaran input pengeluaran yang dimiliki oleh orang lain

D Kos yang sepatutnya dibayar tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran

LIVEWORKSHEETS

18. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran baju melayu oleh Syarikat Muhibah Bhd.

- Kos pengeluaran sepasang baju melayu RM45.
- Jumlah pengeluaran baju melayu 1500 pasang.

Hitung jumlah keuntungan Syarikat Muhibah jika harga sepasang baju melayu adalah RM80.00?

A RM 29 000
B RM 30 000
C RM 45 000
D RM 52 500

19. Pasangan yang manakah betul?

	Input berubah	Input tetap
A	Wujud pada tingkat output sifar	Tidak wujud pada tingkat output sifar
B	Kuantiti tidak berubah apabila output berubah	Kuantiti berubah mengikut perubahan output
C	Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang	Wujud dalam jangka pendek sahaja
D	Contohnya ialah jentera	Contohnya bahan mentah

20. Jadual 5 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah Output (unit)	80	86
Jumlah kos (RM)	107	119

Jadual 5

Berapakah kos marginal apabila jumlah ouput bertambah dari 80 unit ke 86 unit?
A 0.50
B 0.75
C 1.38
D 2.00

21. Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos Syarikat ABC.

Harga seunit	RM15
Jumlah keluaran	3 000 unit
Upah buruh	RM3 000
Sewa kilang	RM2 500
Bil elektrik dan air	RM 250

Berapakah untung syarikat tersebut?
A RM 39 250
B RM 39 500
C RM 41 750
D RM 42 000

22. Jadual 6 menunjukkan kos pengeluaran satu barang.

Butiran	RM
Kos purata	5
Kos tetap	90
Kos berubah	130

Jadual 6

Berapakah jumlah output?
A 18 unit
B 26 unit
C 40 unit
D 44 unit

LIVEWORKSHEETS

23. Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan input berubah dalam pengeluaran jangka masa pendek?

I Contohnya ialah buruh dan bahan mentah

II Tetap wujud walaupun keluaran adalah sifar

III Berubah secara langsung dengan jumlah keluaran

IV Jumlahnya tetap dalam pengeluaran jangka masa panjang

A I dan II

B I dan III

C II dan III

D III dan IV

24. Maklumat yang berikut berkaitan dengan output dan kos bagi firma S&S.

Output	:	120 unit
Kos purata	:	RM1.50
Kos tetap	:	RM60

Hitung kos berubah purata bagi firma tersebut.

A RM180

B RM150

C RM1.50

D RM1.00

25. Jadual 1 menunjukkan hubungan antara input dengan jumlah keluaran suatu barang.

Input Tetap(unit)	Input Berubah(unit)	Jumlah Keluaran(unit)
2	2	12
2	4	48
2	6	92
2	9	140

Jadual 1

Penyataan manakah betul tentang jadual tersebut?

A Keluaran marginal semakin meningkat

B Firma beroperasi dalam jangka panjang

C Keluaran marginal menurun selepas input berubah yang ke -6

D Keluaran marginal adalah sebanyak 24 unit pada input berubah ke- 9

LIVEWORKSHEETS

26. Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran Firma Master yang mengeluarkan kasut jenama HEBAT.

Jumlah keluaran	-	100 unit
Kos tetap	-	RM 4,000.00
Kos purata	-	RM240.00

Berapakah kos berubah purata ?

A RM 75.20
B RM 84.80
C RM 80.00
D RM 160.00

27. Maklumat berikut menunjukkan jumlah keluaran dan kos pengeluaran bagi Firma Teknik Bhd.

Jumlah Keluaran (unit)	40	43
Jumlah Kos (RM)	8000	8400

Berapakah kos sut pada keluaran ke-43?

A RM133.33
B RM186.04
C RM195.34
D RM200.00

28. Antara yang berikut, yang manakah dapat dilakukan oleh sebuah firma pembuatan perabut kayu dalam jangka masa pendek?

I Menambah saiz kilang
II Menambah masa berkerja pekerja
III Menambah jumlah stok kayu getah
IV Menambah mesin pemotongan kayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran pewangi kereta bagi tempoh seminggu oleh Firma Serba Pewangi Bhd.

Output	4 000 unit
Harga jualan seunit	RM30
Kos purata	RM20

Berapakah untung yang diterima oleh syarikat tersebut?

A RM 40 000
B RM 80 000
C RM 120 000
D RM 200 000

LIVEWORKSHEETS

30. Firma Maju telah menambah bilangan pekerja daripada 300 orang kepada 400 orang. Jumlah pengeluaran bertambah daripada 5 000 kepada 6 000 unit. Hitung keluaran marginal firma tersebut.

A 10 unit
B 100 unit
C 1 000 unit
D 11 000 unit

31. Berikut adalah kos pengeluaran bagi sebuah firma.

Jumlah output	**: 500 unit**
Kos tetap	**: RM1 150**
Kos berubah	**: RM2 000**

Berapakah kos purata?

A RM1.70
B RM2.30
C RM4.00
D RM6.30

32. Syarikat Rima menjual 250 pasang kasut sukan dengan harga RM25 sepasang. Jumlah kos pengeluaran kasut ialah RM4 250.

Berapakah jumlah untung Syarikat Rima?

A RM2 000
B RM4 275
C RM4 500
D RM6 250

33. Rumus berikut berkaitan dengan pengeluaran jangka pendek.

$$\mathbf{X} = \frac{\text{Perubahan jumlah keluaran}}{\text{Perubahan input berubah}}$$

Apakah **X** ?

A Kos purata
B Kos marginal
C Keluaran purata
D Keluaran marginal

LIVEWORKSHEETS

34. Jadual berikut menunjukkan pengeluaran barang Z.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
50	20
100	15

Berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 100 unit jika kos tetap ialah RM400?

A RM 600
B RM1100
C RM2100
D RM2500

35. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran baju kurung oleh Syarikat Bbess Sdn Bhd.

- Kos sepasang baju kurung RM 35
- Jumlah pengeluaran baju kurung 1000 pasang

Berapakah keuntungan pengeluaran baju kurung jika syarikat menjual dengan harga RM 65 sepasang?

A RM 65 000
B RM 30 000
C RM 35 000
D RM 15 000

4.2 PRODUKTIVITI DAN EKSTERNALITI

36. Apakah faedah sosial daripada pembangunan hutan kepada kawasan perindustrian?
A Keperluan buruh kilang meningkat
B Kadar pencemaran meningkat
C Kesesakan lalu lintas meningkat
D Penebangan hutan yang berleluasa


37. Jadual berikut menunjukkan bilangan buruh dan output bagi empat buah firma.

Firma	Bilangan buruh (orang)	Jumlah output (unit)
P	2	46
Q	3	78
R	4	96
S	5	110

Firma yang manakah produktiviti paling rendah?
A P
B Q
C R
D S

LIVEWORKSHEETS

38. Maklumat berikut berkaitan sejenis sistem pengangkutan moden di Malaysia.



Apakah faedah sosial yang terlibat apabila sistem tersebut digunakan?

A Pengeluar dapat menambahkan keuntungan

B Pengguna lebih cepat sampai ke tempat tujuan

C Perniagaan makanan berkembang di kawasan stesen.

D Pihak kerajaan dapat mengutip hasil yang lebih tinggi

39. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor peningkatan produktiviti?

I Matlamat dan visi organisasi yang jelas
II Pemasaran produk yang meluas
III Penghasilan output yang pelbagai
IV Penyelenggaraan mesin berkala

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

40. Apakah faedah sosial yang akan timbul apabila projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL telah siap dilaksanakan dan dibuka untuk kegunaan masyarakat?

A Penebangan hutan meningkat

B Nilai hartanah setempat meningkat

C Kos pengangkutan akan lebih tinggi

D Kadar pencemaran bunyi yang tinggi

LIVEWORKSHEETS

41. Apakah faktor yang mempengaruhi produktiviti dalam ekonomi?

I teknologi

II jenis milikan

III saiz organisasi

IV struktur organisasi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

42. Maklumat di bawah berkaitan dengan projek yang dijalankan oleh kerajaan.

> Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan tiga projek laluan berbasikal sepanjang 11.5 km membabitkan laluan dari Midvalley ke Dataran Merdeka sepanjang 5.5 km, Wangsa Maju dan Taman Melati sepanjang 4 km serta Taman Batu Muda sepanjang 2 km dengan anggaran kos sebanyak RM3 juta.

Apakah faedah sosial yang diperolehi daripada projek di atas?

A pengurangan pencemaran air

B pengurangan kesesakan lalu lintas

C penurunan kos pembinaan jalan raya

D pengurangan kadar kemalangan yang membabitkan basikal

43. Antara yang berikut, yang manakah faktor mempengaruhi produktiviti?

I Kemahiran dan tahap motivasi manusia yang cekap

II Penggunaan bahan yang berkualiti

III Meminimumkan kos pengeluaran

IV Upah dan sewa yang murah

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

44. Antara yang berikut, yang manakah faedah sosial luaran apabila seseorang individu berbasikal ke tempat kerja?


A Menjimatkan masa

B Kos pengangkutan rendah

C Mengelakkan kesesakan lalu lintas

D Kadar pencemaran udara yang lebih rendah

45. Gambar di bawah menunjukkan perubahan yang dilakukan oleh pihak kerajaan.



Apakah faedah sosial daripada situasi di atas?

A Berlaku banjir kilat
B Kesesakan lalu lintas
C Peningkatan peluang pekerjaan
D Peningkatan pencemaran udara

LIVEWORKSHEETS